



Anwar merasmikan Majlis Pelancaran Pusat Kecemerlangan Kajian dan Inovasi dalam Ekonomi Islam (i-RISE) di Kuala Lumpur, semalam. Yang hadir sama, Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying (dua dari kiri) dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Universiti INCEIF, Prof Emeritus Datuk Dr Mohd Azmi Omar (kanan).

(Foto BERNAMA)

Nilai semula struktur kewangan Islam secara menyeluruh

BERITA HARIAN 11 JUN 2025 m/d: 2

Langkah bagi pastikan sistem diperkukuh dapat menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sistem kewangan Islam perlu dinilai semula secara menyeluruh, termasuk memperkukuh aspek tadbir urus dan dasar makroekonomi yang jelas bagi memastikan ia benar-benar menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pencahapan semasa dalam sektor perbankan dan kewangan Islam tidak boleh menjadikan pemain industri selesa kerana masih banyak persoalan mendasar yang belum dijawab.

“Benar, kita sudah capai kejayaan asas di peringkat awal,

tetapi sudah tiba masa kita menilai semula premis utama dalam kewangan Islam.

“Ia bukan sekadar membebaskan sistem daripada riba, tetapi juga memastikan ia selari dengan maqasid syariah, keadilan, pemamanan dan nilai kemanusiaan,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Pelancaran Pusat Kecemerlangan Kajian dan Inovasi dalam Ekonomi Islam (i-RISE) di sini, semalam.

Kekurangan ketara

Anwar berkata, antara kekurangan ketara dalam kajian dan pelaksanaan kewangan Islam ialah kegagalan memberi perhatian kepada tadbir urus yang baik dan dasar makroekonomi yang menyokong pertumbuhan serta pembangunan mampan.

“Kita tidak boleh anggap kewangan Islam boleh berfungsi tanpa tadbir urus yang betul. Tanpa dasar ekonomi yang jelas dan telus, kita akan terus gagal menarik pelaburan domestik dan asing secara mampan.

“Kerana itulah teras utama dalam gagasan Madani bermula dengan kemampanan. Kemampanan menuntut adanya kejelasan dalam dasar dan tadbir urus.

“Kejelasan ini penting untuk

mengelakkan ketirisan serta membanteras rasuah yang berleluasa, kerana hakikatnya negara-negara Islam bukanlah miskin,” katanya.

Anwar turut menegaskan, Malaysia tidak boleh berpuas hati sekadar menjadi pusat pensijilan halal, sebaliknya perlu meneroka strategi lebih menyeluruh untuk menerajui industri halal global yang dianggarkan mencecah nilai trilion dolar.

Katanya, negara perlu melangkah lebih jauh dengan membina kerjasama strategik dan usaha sama rentas sempadan, termasuk membabitkan syarikat Malaysia dalam projek halal di negara luar seperti China, Vietnam dan Poland.

“Apa maknanya jika kita hanya keluaran sijil halal tetapi gagal meneroka pasaran baharu? Kita perlu melibatkan industri tempatan dalam usaha sama supaya ada kepentingan ekonomi yang saling menguntungkan.

“Agensi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu digerakkan bersama pihak lain seperti HRD Corp bagi merangka latihan, penyelidikan dan dasar yang lebih menyeluruh untuk membangunkan ekosistem halal secara mampan,” katanya.